

Randau Pemikiran dalam Pendidikan



Randau Pemikiran dalam Pendidikan

Penyunting

**ASMIATY AMAT
ISMAIL ALI**

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2015

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Randau Pemikiran dalam Pendidikan : PPIB SEMPENA 20 TAHUN UMS /

Penyunting ASMIATY AMAT, ISMAIL ALI

Includes index

Bibliography: page

ISBN 978-967-0521-46-6

1. Universiti Malaysia Sabah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

2. Academic writing. 3. Education, Higher--Sabah. I. Asmiaty Amat, 1971-.

II. Ismail Ali, 1969-.

808

Muka taip teks: Myriad Pro

Saiz taip teks dan *leading*: 9 – 14 poin/13.2 poin

Diterbitkan oleh: Penerbit Universiti Malaysia Sabah

Tingkat Bawah, Perpustakaan

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS

88400 Kota Kinabalu, Sabah

Dicetak oleh: Percetakan CCS Sdn. Bhd

P.O. Box 21760,

88775 Kota Kinabalu, Sabah.

KANDUNGAN

<i>Senarai Rajah</i>	vii
<i>Senarai Jadual</i>	viii
<i>Prakata</i>	ix
<i>Pendahuluan</i>	xi
Bab 1 Transformasi Pendidikan di Sabah: Dari Sekolah Pondok ke Menara Gading UMS Dayu Sansalu & Ismail Ali	1
Bab 2 Maqasid Syariah dalam Tamadun Islam Dg. Hafizah Ag. Basir & Siti Halimah Putung	19
Bab 3 Eufermisme Sebagai Kesantunan Berbahasa Asmiaty Amat & Saidatul Nornis Mahali	35
Bab 4 Pengenalan Kaedah Sokratik dan Kepentingannya dalam Pengajaran dan Pembelajaran Earnie Elmie Hilmi & Khairiah Mohd. Yassin	49
Bab 5 Perlunya Dialog Peradaban di Malaysia Abd. Hakim Mohad & Ros Aiza Mohd. Mokhtar	63
Bab 6 Dinamika Pengurusan Perniagaan: Keperluan Terhadap Permulaan Aishah Tamby Omar & Romzi Ationg	83
Bab 7 Puisi Ḥassān Ibn Thābit: Satu Kajian Tema Saini Ag. Damit & Ahmad Tarmizi Abdul Rahman	99
Bab 8 Terjemahan Tirukkural: Penilaian Terhadap Aspek Leksikal Arulselvan Raju & Alice Alim	121
Bab 9 Silap Pilih, Badan Binasa: Televisyen, Makanan Segera dan Obesiti di Sabah, Malaysia Andreas Totu & Halina Sendera Mohd Yakin	133
Bab 10 A Review of Second Language Processing Models Loh Yoke Len & John Mark Storey	157
Bab 11 Learning English as a Second Language Through Social Network Wan Hurani Osman & Anna Lynn Abu Bakar	171

Bab 12 A Review of the Course: Fundamental of Entrepreneurial Acculturation (UW00302)	189
Chiew Tung Moi, Tam Yin Ling @ Adeline & Dyana Chang Mui Ling	
<i>Penutup</i>	209
<i>Senarai Penyumbang</i>	211
<i>Rujukan</i>	213
<i>Indeks</i>	227

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
11.1 Demographic background	177
11.2 MUET results	178
11.3 ICT skills	178
11.4 Field of study	179
11.5 View on internet	180
11.6 Views on Facebook	181
11.7 Technical aspect of using the internet	182
11.8 The positive views in learning UB00202 using Facebook	183
11.9 Views on how using Facebook can improve English communication	184

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
4.1 Kaedah penyampaian	59
8.1 Zaman Sangam mengikut kronologi	123
8.2 Pembahagian kuplet dalam <i>Tirukkural</i>	125
8.3 Tajuk bab dan terjemahan	126
9.1 Data demografi	146
9.2 Corak menonton televisyen peserta	146
9.3 Kecenderungan pemilihan makanan diantara <i>treatment group</i> dan <i>control group</i>	147
9.4 Kecenderungan memilih makanan segera dalam kalangan kumpulan rawatan berdasarkan kategori umur	148
9.5 Kecenderungan memilih makanan segera dalam kalangan kumpulan rawatan berdasarkan gender	149
9.6 Pilihan makanan dalam kalangan kanak-kanak yang kurus, terlebih berat badan dan obes	150
12.1 Students' learning outcomes	202
12.2 Background of respondents	203
12.3 Results of surveying during expo	203
12.4 Background of respondents	204
12.5 Results of surveying during seminar	205

PRAKATA

Usaha menerbitkan buku ini lahir daripada idea mantan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) yang ketiga, iaitu Prof. Madya Dr Ismaili Ali bagi melestarikan semangat dan kerjasama para akademia di PPIB dalam penyelidikan dan penulisan. Buku *Randau Pemikiran dalam Pendidikan* yang membabitkan penulisan daripada kakitangan akademik di PPIB merupakan satu sumbangan ilmu yang mengangkat bidang kepakaran pensyarah. Penubuhan PPIB sebagai pusat perkhidmatan yang menawarkan mata pelajaran membabitkan pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, bahasa asing dan tempatan serta kursus-kursus wajib universiti dan pengajian liberal telah menyerlahkan kedudukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai sebuah universiti yang menawarkan kepelbagaiannya ilmu dalam kalangan pelajarnya. Sejak ditubuhkan, PPIB telah mengorak langkah seiring dengan pencapaian UMS dengan penawaran kursus melalui sumbangan kakitangan yang lengkap dengan kepelbagaiannya pemikiran dan cabang ilmu.

Bersetujuan dengan misi tersebut, buku ini dizahirkan bagi meraikan kepelbagaiannya ilmu dan pemikiran, cara pembelajaran serta hasil dan manfaat yang diperoleh pelajar melalui kajian dan tulisan yang dilakukan tenaga pengajarnya. Setiap hasil penulisan dalam buku ini tampil dengan topik dan pendekatan berbeza, seiring dengan variasi pemikiran yang dimiliki oleh penyumbang makalah. Sungguhpun demikian sifatnya, perbincangan dialog dan percambahan pemikiran yang dilakukan adalah semata-mata meraikan kepelbagaiannya bidang serta memperlihatkan wacana yang mampu menyerlahkan lagi kemampuan PPIB sebagai sebuah pusat yang turut sama melonjakkan keberadaan UMS sebagai universiti tersohor di negeri ini dan universiti awam di Malaysia.

*Padi apalah ada pada padi
Nasi juga dipandang orang
Diri apalah ada pada diri
Budi juga dikenang orang.*

PENDAHULUAN

Pos Pendidikan Ilmu dan Bahasa atau ringkasnya PPIB, merupakan salah satu pusat yang ditubuhkan di UMS sejak tahun 1994. Sebagaimana sekolah lain yang menerima kemasukan pelajar masing-masing, PPIB turut menawarkan kursus-kursus wajib, kursus-kursus umum serta bahasa asing dan tempatan. Tujuan utama penubuhannya ialah melahirkan graduan yang berketerampilan dari segi ilmupengetahuan dan kemahiran insaniah, berpandangan holistik dan seimbang serta boleh menghayati nilai-nilai murni sejagat dan bersemangat patriotik yang tulen. Perkara ini selari dengan konsep pendidikan liberal atau pengajian umum yang turut dijalankan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.

Konsep Pengajian Umum memang sudah menjadi sebahagian daripada aspek utama dalam sistem pendidikan negara, termasuk di peringkat IPT, bersesuaian dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Walau bagaimanapun, dalam proses pelaksanaan konsep Pengajian Umum di IPT termasuk di UMS, banyak cabaran yang dihadapi, khususnya dalam memberikan kesedaran kepada semua pihak akan kepentingan Pengajian Umum kepada pelajar dalam konteks pembentukan tenaga pekerja yang berdaya saing ke arah pembangunan negara mapan. Walau bagaimana besar cabarannya, selama 20 tahun penubuhannya, PPIB telah berdiri kukuh sebagai sebuah pusat yang telah memberikan perkhidmatan selari dengan aspirasi UMS dan negara Malaysia.

Buku ini menghimpunkan 12 artikel dan hampir kesemua artikel ditulis oleh dua orang secara kerjasama dan konsensus berdasarkan bidang kepakaran masing-masing. Hanya satu artikel yang ditulis hasil kerjasama tiga orang pensyarah dengan mengambil kira kedudukan ketiga-tiganya sebagai tenaga pengajar kursus keusahawanan di PPIB. Terdapat pula beberapa makalah yang menjurus kepada isu pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang berpandukan pengalaman dan kajian yang dilakukan oleh pensyarah-pensyarah dalam bidang berkenaan.

Bab satu dalam buku ini ditulis oleh Dayu Sansalu dan Ismail Ali berjudul 'Transformasi Pendidikan di Sabah: Dari Sekolah Pondok ke Menara Gading UMS'. Kedua-dua pensyarah yang merupakan pensyarah Hubungan Etnik dan Sejarah meninjau sejarah sistem pendidikan di Sabah. Menurut penulis, sebelum kedatangan Barat, sistem pendidikan masyarakat tempatan di Sabah bersifat tradisional. Transformasi pendidikan dalam kalangan masyarakat Brunei dan Bisaya mula kelihatan selepas mereka memeluk agama Islam sementara masyarakat Kadazandusun mengekalkan kepercayaan animisme dan mengamalkan sistem pendidikan tradisional. Transformasi

pendidikan berlaku selepas kedatangan British termasuk perubahan sistem nilai dan tanggapan masyarakat peribumi tempatan terhadap kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka. Penulis berpendapat bahawa keadaan fizikal bangunan sekolah turut mengalami perubahan dari bentuk sekolah pondok ke sekolah papan, kemudian diubah menjadi bangunan batu khususnya di kawasan bandar. Perubahan lain ialah kewujudan pelbagai jenis sekolah seperti sekolah kerajaan, sekolah mualigh dan sekolah Cina, sekali gus penubuhan sekolah menengah rendah dan menengah atas. Sistem pendidikan di Sabah mula mencapai kemuncaknya apabila UMS ditubuhkan dan menawarkan pelbagai disiplin pengajian ijazah pertama hingga ke peringkat doktor falsafah. Semua ini merupakan transformasi pendidikan di Sabah yang bermula dari sekolah pondok ke menara gading.

Kedua-dua pengarang, Dayang Hafizah dan Siti Halimah Putung yang terdidik dalam bidang syariah dan mengajar kursus Tamadun Islam, menulis makalah berjudul konsep ‘Maqasid Syariah dalam Tamadun Islam’. Perkataan ‘maqasid’ merupakan jamak bagi perkataan ‘maqsad’ yang merujuk kepada tempat letaknya kasad dan matlamat atau tujuan. Sementara dari segi istilah, ia bermaksud hukum-hukum yang dititikberatkan oleh Allah dalam semua keadaan pensyariatan ataupun pada sebahagian besar daripadanya. Menurut penulis, matlamat pelaksanaan syariah dalam tamadun Islam adalah untuk mengatur kehidupan manusia agar sentiasa berada di atas landasan kebaikan dan terhindar daripada sebarang kerosakan dan kemudaratian. Maqasid syariah ini berlingkar pada lima perkara asas dalam kehidupan manusia, iaitu agama, nyawa, akal fikiran, kehormatan dan keturunan serta pemilikan dan penguasaan harta.

Bab ketiga ditulis oleh penyunting dan Saidatul Nornis Mahali berjudul ‘Eufemisme Sebagai Kesantunan Berbahasa’. Penggunaan bahasa yang baik dan betul penting bagi menyerlahkan identiti pengucapan satu bangsa. Kesantunan merupakan satu nilai yang wujud dalam masyarakat dan dijadikan pengukur diri seseorang untuk diterima atau sebaliknya dalam kehidupan sosial. Dalam konteks bahasa Melayu, pengetahuan dan pemahaman terhadap budaya masyarakat penting bagi mewujudkan kualiti komunikasi yang lebih sopan dan mesra. Salah satu cara kesantunan berbahasa adalah menggunakan eufemisme. Penggunaan eufemisme bukan sekadar untuk memperlihatkan kesantunan berbicara tetapi juga memiliki nilai kepercayaan yang tersirat dan tidak melanggar tabu. Eufemisme bukan sahaja digunakan melalui hubungan manusia dengan manusia tetapi juga manusia dengan alam sekitar. Sekali gus, fungsi eufemisme dikatakan turut mengangkat harkat manusia khususnya wanita.

‘Pengenalan Kaedah Sokratik dan Kepentingannya dalam Pengajaran dan Pembelajaran,’ ditulis oleh pensyarah falsafah dan pemikiran kritis, Earnie Elmie binti Hilmi dan Khairiah Mohd. Yassin. Makalah ini menjelaskan betapa proses berfikir merupakan suatu kemahiran yang perlu diberi tumpuan dalam

proses mendidik manusia. Penggunaan akal yang baik dan bijak dikenal pasti menjadi penggerak utama kemajuan seseorang. Keadaan ini menjadi pendorong kuat kepada ahli falsafah terawal pada zaman Greek klasik, iaitu Sokratik yang menyeru pengeneksploitasiakal sebaik dan semaksimum mungkin. Pengeksploitasiakal dengan kaedah yang baik dapat mencetuskan kemajuan yang cukup luar biasa kepada sejarah ketamadunan dunia jika diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, ia turut berfungsi menambah pelbagai pengetahuan baharu daripada pengaplikasian kaedah tersebut dalam bidang keilmuan.

Bab seterusnya dalam buku ini ditulis oleh Mohd. Hakim Mohad dan Ros Aiza Mokhtar berkenaan ‘Perlunya Dialog Peradaban di Malaysia’. Menurut penulis, perbezaan agama, bangsa dan budaya sering menjadi sebab terbentuknya jurang antara masyarakat di Malaysia. Oleh sebab itu, antara elemen yang sangat penting dalam memastikan keharmonian dalam hubungan antara kaum ialah melalui dialog peradaban. Makalah ini mengulas tentang kepentingan dialog dan proses dialog yang harus dilakukan agar kestabilan sosial dapat berlangsung dan dipertingkatkan. Menerusi dialog, toleransi dalam agama dan antara agama dapat diwujudkan dan diharapkan mengkalkan keamanan dan kedamaian di Malaysia.

Seterusnya bab yang ditulis oleh Aishah Tamby Omar dan Romzi Ationg berjudul ‘Dinamika Pengurusan Perniagaan: Keperluan terhadap Permulaan’ membicarakan tentang apa dan cara yang perlu dipelajari oleh seorang pengurus sebelum memulakan sesuatu perniagaan. Berdasarkan penelitian terhadap faktor-faktor yang menjadikan seseorang ingin menceburii bidang perniagaan, penulis menjelaskan perkara-perkara asas yang perlu difahami dan diikuti seperti perancangan strategik, pemupukan etika dalam kalangan usahawan dan penerapan nilai-nilai atau etika yang baik. Tambah penulis lagi, krisis yang berlaku antara pengurus dan pekerja perlu diambil perhatian demi melestarikan perniagaan yang dijalankan. Pokok pangkalnya, sebelum melibatkan diri dalam bidang perniagaan, pengorbanan dalam bentuk kewangan, persediaan dan strategi bukan sahaja dituntut malah pengorbanan mental, emosi dan fizikal seseorang turut diperlukan.

Saini Ag. Damit dan Ahmad Tarmizi Abdul Rahman mencerna tema-tema yang ditonjolkan oleh Ḥassān Ibn Thābit dalam puisinya. Seajar dengan penghormatan Nabi Muḥammad SAW kepada penyair-penyair Islam, Baginda SAW juga telah mengarahkan Ḥassān Ibn Thābit memerangi musuh-musuh Islam dengan puisinya. Ḥassān Ibn Thābit yang dilantik menjadi penyair peribadi Baginda SAW menggubal dan mencipta puisi bagi menangkis sindiran penyair-penyair musyrikin dan pada masa yang sama menerangkan kebenaran ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi SAW. Menurut penulis, puisi Ḥassān Ibn Thābit sarat dengan ajaran Nabi Muḥammad SAW dan kesepadan serta kekuatan kaum Muslimin. Sebahagian tema-

tema puisi yang diutarakan oleh beliau adalah refleksi terhadap bentuk puisi penyair-penyair musyrikin pada ketika itu berdasarkan kepada ajaran Islam. Antara tema-tema yang terkandung dalam puisinya seperti puji, kemegahan, cercaan, ratapan, seruan dan dakwah Islam. Kekuatan tema-tema puisi disokong dengan penggunaan bahasa Arab yang fasih lagi *balāghah*, semantik yang tepat dan mendalam, tidak bersifat keterlaluan, susunan muzik dan irama yang lunak untuk didengari serta disusun secara bersistematik dan khayalan puisinya berpaksikan ajaran Islam.

Bab berjudul 'Terjemahan *Tirukkural*: Penilaian Terhadap Aspek Leksikal' ditulis oleh Arulselvan Raju dan Alice Alim. Pensyarah yang masing-masing mengajar kursus bahasa Tamil dan Melayu di PPIB, menganalisis aspek leksikal beberapa kuplet dan teks Tamil *Tirukkural* yang telah diterjemahkan oleh Ismail Hussein dan A. Samad Said. Penulis memberi beberapa justifikasi tentang beberapa perkataan yang telah disalah tafsir dan akhirnya terjemahan yang dilakukan beralih makna. Contohnya perkataan '*ceynnanri arital*' diterjemahkan sebagai 'kesyukuran' tetapi sebenarnya bererti 'mengenang budi' (penghargaan terhadap bantuan yang diterima). Berdasarkan beberapa contoh yang dijelaskan, penulis telah berupaya menjelaskan beberapa aspek kesilapan dan terjemahan yang kurang tepat dilakukan terhadap teks ini.

Andreas Totu dan Halina Sandera Mohd. Yakin yang bertugas sebagai pensyarah komunikasi melakukan kajian terhadap kesan iklan di televisyen terhadap cara pemakanan remaja di sekitar Kota Kinabalu. Makalah yang berjudul 'Silap Pilih, Badan Binasa: Televisyen, Makanan Segera dan Obesiti di Sabah, Malaysia' memperlihatkan kaitan antara iklan di televisyen dengan corak pemilihan makanan dalam kalangan kanak-kanak berpandukan Teori Pemupukan. Penulis berpendapat bahawa kajian ini menunjukkan televisyen memberikan kesan yang kuat terhadap corak pemilihan makanan kanak-kanak. Sungguhpun wujud sedikit variasi dalam respons kanak-kanak berdasarkan gender dan umur, tetapi secara keseluruhannya, kanak-kanak berkecenderungan memilih makanan segera selepas didekah dengan iklan. Ujian lebih mendalam menunjukkan bahawa iklan televisyen menampakkan kesan yang signifikan dalam mempengaruhi jenis makanan yang dipilih oleh kanak-kanak. Kajian ini turut menunjukkan ada korelasi yang kuat di antara corak pemilihan makanan dengan berat badan. Dengan kata lain, kanak-kanak yang suka memilih makanan segera berkemungkinan besar akan menghadapi masalah berat badan atau obesiti.

Bab seterusnya berjudul 'A Review of Second Language Processing Models' ditulis oleh Loh Yoke Len dan John Mark Storey. Menurut penulis, daripada perspektif holistik, pemprosesan bahasa terbahagi kepada dua kategori umum, iaitu mentalisme dan bukan mentalisme. Teori bukan mentalisme memberi tumpuan kepada faktor-faktor sosial dan afektif

yang terlibat dalam pembelajaran bahasa, manakala teori mentalisme membincangkan proses intelek yang terlibat. Tujuh teori utama yang dibincangkan adalah teori behaviorisme, teori pembudayaan/*pidginization* dan teori wacana daripada domain bukan mentalisme dan teori linguistik universal, teori *interlanguage*, model monitor dan teori kognitif daripada domain mentalisme. Teori bukan mentalisme menunjukkan bahawa faktor-faktor sosiopsikologi mempengaruhi tahap motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. Pemboleh ubah seperti sikap, jarak sosial dan psikologi antara budaya bahasa ibunda dan bahasa kedua, dan juga keperluan berkomunikasi memainkan peranan penting. Di samping itu, teori mentalisme menekankan skemata, kemahiran kognitif dalam melaksanakan pelbagai prosedur mental dan strategi pembelajaran bahasa. Secara ringkasnya, aliran-aliran pemikiran seperti linguistik, psikologi, psikologi kognitif dan psikolinguistik yang dibincangkan dalam teori-teori mentalisme dan bukan mentalisme memberikan deskripsi fenomena pemprosesan bahasa yang lebih holistik.

Bab ke-11 disumbangkan oleh Wan Huraini dan Anna Lynn Abu Bakar berjudul 'Learning English as a Second Language through Social Network.' Artikel ini merupakan hasil kajian penulis terhadap pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Inggeris, iaitu Oral Communication (UB00202). Berpandukan pemahaman tentang kekurangan pengetahuan dan minat pelajar terhadap bahasa tersebut, penulis telah meneliti seramai 100 orang pelajar kursus menggunakan Facebook sebagai alat komunikasi. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan Facebook sebagai alat pengajaran telah meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.

Bab terakhir dalam makalah ini disumbangkan oleh Chiew Tung Moi, Tam Yin Ling @ Adeline dan Dyana Chang Mui Ling berjudul 'A Review of the Course: Fundamental of Entrepreneurial Acculturation (UW00302)'. Mereka yang berkecimpung sebagai pensyarah Kursus Asas Keusahawanan menganggap kursus yang telah dijadikan kursus wajib universiti mendidik pelajar bagaimana berorganisasi, mengeluarkan idea, menyediakan kertas kerja dan melaksanakan praktikal dengan menjalankan ekspo pada setiap semester. Melalui dua aktiviti ekspo dan seminar yang telah dilaksanakan, penulis mengedarkan soal selidik kepada pelajar. Maklum balas yang diperoleh mereka mendapati bahawa kursus tersebut telah berupaya meningkatkan pengetahuan dan keupayaan pelajar, bukan sahaja dalam perniagaan tetapi juga dalam berkomunikasi dan bekerjasama antara satu sama lain.

Kepelbagaiannya tujuan ilmu yang disandarkan kepada penyelidikan yang dihubungkaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran memberi dimensi ilmu yang relevan, bukan sahaja kepada tenaga pengajar dan pelajar. Isu yang diperdebatkan dalam randau pemikiran dalam

pendidikan ini diharap mampu memberi sedikit kefahaman pembaca terhadap pemikiran dalam pendidikan yang merangkumi beberapa kursus yang ditawarkan di PPIB. Semoga buku ini dapat memberi sumbangan ilmu yang bermanfaat.

**Asmiaty Amat
Ismail Ali**